

TIVI KARYA SHAHNON AHMAD SEBAGAI KONTRA-HEGEMONI MAHATHIRISME

(Tivi by Shahnnon Ahmad as Counter-Hegemony of Mahathirism)

Adam Muhammad Taufiq Mohamad Suharto
adamtaufiqsuharto@gmail.com

Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Selangor Kampus Puncak Perdana, Seksyen U10, 40150, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

To cite this article (*Rujukan makalah ini*): Adam Muhammad Taufiq Mohamad Suharto. (2023). *Tivi karya Shahnnon Ahmad sebagai kontra-hegemoni Mahathirisme. Malay Literature, 36(2), 267–288.* [https://doi.org/10.37052/ml36\(2\)no5](https://doi.org/10.37052/ml36(2)no5)

Received: Peroleh:	13/4/2023	Revised: Semakan	30/8/2023	Accepted: Terima:	11/9/2023	Published online: Terbit dalam talian:	31/10/2023
-----------------------	-----------	---------------------	-----------	----------------------	-----------	---	------------

Abstrak

Novel *Tivi* karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad telah diterbitkan pada tahun 1995 dan cetakan kedua pada tahun 2018 yang memusatkan naratif penceritaan tentang kemerosotan moral sebuah keluarga di kampung selepas salah seorang anak mereka membawa masuk budaya baharu dari bandar, terutamanya budaya menonton televisyen. Kajian lepas dalam lapangan akademik berkenaan dengan novel ini tidak memberikan perhatian terhadap kritikan ideologi apatah lagi persoalan kontra-hegemoni. Oleh itu, dalam makalah ini, *Tivi* diujahkan sebagai kontra-hegemoni terhadap ideologi Mahathirisme terutama sekali dari aspek kapitalisme Mahathir. Terma Mahathirisme yang dipelopori oleh Dr. Khoo Boo Teik menjadi konsep perbincangan dan turut merujuk buku dan makalah lain yang berkaitan dengan Tun Dr. Mahathir Mohamad. Teori “hegemoni” oleh Antonio Gramsci akan diaplikasikan bagi mewacanakan kontra-hegemoni oleh Shahnnon Ahmad terhadap Mahathirisme. Posisi yang diambil oleh Shahnnon Ahmad terhadap dikotomi kampung dan bandar, moden dan tradisional, spiritual dan material dalam novel ini menunjukkan nilai-nilai yang kontra terhadap hegemoni Mahathirisme. Label cereka

Islam terhadap novel *Tivi* dan latar belakang Shahnon Ahmad sebagai penggerak Islamisme membolehkan Shahnon Ahmad dihujahkan sebagai “intelektual tradisional” mengikut kerangka Gramsci.

Kata kunci: *Tivi*, Shahnon Ahmad, Mahathirisme, kapitalisme, sastera Melayu, cereka Islam

Abstract

The novel Tivi, written by National Laureate Shahnon Ahmad, was published in 1995 with its second edition published in 2018. Its narrative revolves around the moral decay of a rural family after one of their daughters introduces urban culture, especially the culture of watching television. Past academic studies on this novel do not show much interest in its ideological critiques, including counter-hegemony concerns. Therefore, in this article, Tivi is argued as a counter-hegemony towards the Mahathirism ideology, especially from the capitalist aspects of Mahathir. The term “Mahathirism” which was coined by Dr. Khoo Boo Teik will be the concept that will be applied for this discussion, along with references from other books and articles that are related to Tun Dr. Mahathir Mohamad. The theoretical framework of “hegemony” by Antonio Gramsci will be applied to the discourse on the counter-hegemony of Shahnon Ahmad on Mahathirism. Shahnon Ahmad’s position on the dichotomies — rural and urban, modern and traditional, as well as spiritual and material — in this novel shows the counter hegemonic values towards Mahathirism. The label of Islamic fiction on Tivi and Shahnon Ahmad’s background as an Islamist are factors that allow him to be considered as a “traditional intellectual” based on the Gramscian framework.

Keywords: Tivi, Shahnon Ahmad, Mahathirism, capitalism, Malay literature, Islamic fiction

PENGENALAN

Dalam *Gubahan Novel* (1989), Shahnon (1989:83–84) mencatatkan pemerhatiannya terhadap tema dan latar yang menjadi “*leitmotif*” (pengulangan) dalam ranah sastera eranya, iaitu lebih ramai penulis cenderung untuk memberikan fokus kepada naratif kehidupan kota berbanding memfokuskan latar kampung dan permasalahannya. Disebabkan kecenderungan para sasterawan lain terhadap pergelutan kota,

maka Shahnnon mengambil jalur naratif yang berbeza. Beliau memilih untuk bercerita tentang kampung dan golongan petani yang masih melarat dengan kemiskinan di kawasan pedalaman. Tambahan lagi, dalam novel yang mengetengahkan masalah kemajuan bandar sekalipun, beliau masih meletakkan kampung sebagai latarnya. Novel yang dimaksudkan ialah *Tivi* (cetakan pertama pada 1995 dan cetakan kedua pada 2018) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Walaupun novel ini merenungi masalah yang dialami atau yang berpunca dari bandar, Shahnnon memaparkan bagaimana masalah yang terjadi di bandar boleh memberikan dampak kepada kehidupan manusia di kampung. Novel *Tivi* menceritakan kisah Chah, seorang gadis kampung yang bermigrasi ke pekan Sungai Petani untuk bekerja di kilang skru, tetapi kemudiannya mengalami kejutan budaya lalu mengimport budaya kota masuk dalam keluarganya di kampung.

Walau bagaimanapun, makalah ini menghujahkan novel *Tivi* sebagai kontra-hegemoni kepada Mahathirisme. Novel *Tivi* dipilih dan dikaji dari perspektif tersebut disebabkan karya-karya Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad yang lain juga sering dikaitkan dengan kritik politik dan ideologi. Penulisan-penulisan berkaitan dengan politik dan ideologi dalam karya Shahnnon Ahmad itu termasuklah penulisan Che Abdullah (2017:1), Mohd Faizal (2014:285), Jeniri (2012:59), Shahrudin Nizal (2012:208), S. Othman Kelantan (2012:273), Azhar (2012:395) dan Nursyaheera (2017), tetapi dalam kajian-kajian lepas belum ada penulisan yang menganalisis novel *Tivi* daripada spektrum ideologi. Walaupun terdapat beberapa kajian lepas yang memfokuskan novel *Tivi* sebagai kajian kes, tetapi makalah-makalah tersebut membincangkan *Tivi* dari sudut yang lain, contohnya *Tivi* sebagai kritik sosial (Shahrudin Nizal, 2012:208), sementara ada yang lebih memfokuskan wacana Islam reformis-traditionalis dalam *Tivi* dan beberapa karya Shahnnon yang lain (Syafiqah, 2013:1–20).

TINJAUAN LITERATUR

Dari aspek kerangka, kajian yang menghampiri makalah ini ialah penulisan Nursyaheera (2017) yang menganalisis novel *Tunggul-tunggul Gerigis* (1988) dengan mengaplikasikan teori *subaltern* dan hegemoni oleh Gramsci. Walaupun begitu, perbezaan antara penulisan Nursyaheera (2017) dengan makalah ini ialah Nursyaheera menghujahkan kewujudan pemaparan hegemoni dan *subaltern* yang menjadi penggerak naratif dalam novel *Tunggul-tunggul Gerigis*, sementara makalah ini pula menghujahkan novel *Tivi* itu sendiri sebagai sebuah kontra-hegemoni kepada Mahathirisme

baik dalam mahupun ruang luar daripada teks tersebut. Berbeza dengan *Tivi*, *Tunggul-tunggul Gerigis* ialah novel yang secara langsung bercerita tentang konflik antara karakter yang datang daripada golongan dominan dengan “*subaltern*” serta bertemakan perseteruan politik.

Namun, dari segi penghujahan, makalah ini menyerap idea yang sama seperti makalah Azhar (2012:403), iaitu beliau menghujahkan novel *Ranjau Sepanjang Jalan* (1966) yang ditulis oleh Shahnnon secara tidak langsung menyanggah mitos massa Melayu sebagai pemalas dan tanggapan agama sebagai salah satu punca fatalisme. Oleh itu, Shahnnon secara tidak langsung menyanggah mitos yang dilaungkan oleh orientalis dan sarjana tempatan yang terbelenggu dengan minda terjajah (Azhar, 2012:403). Penyanggahan mitos yang dihujahkan oleh Azhar (2012) ini sudah tentu tidak dinyatakan (secara terus) dalam novel atau oleh Shahnnon sendiri tetapi beliau dapat menghujahkan hal tersebut kerana penelitiannya terhadap *Ranjau Sepanjang Jalan* melangkaui teks dan menggabungkan penelitian tersebut dengan realiti dan wacana luar teks. Begitu juga dengan penulisan ini, walaupun Shahnnon tidak pernah menyatakan novel *Tivi* sebagai kontra-hegemoni kepada Mahathirisme, tetapi dengan mengambil kira wacana yang wujud di luar teks, maka kecenderungan yang kontra kepada Mahathirisme itu dapat ditemukan.

Kajian lain yang dimanfaatkan dalam makalah ini ialah kajian peringkat Ijazah Doktor Falsafah yang kemudiannya telah diterbitkan sebagai buku oleh Ungku Maimunah (1998) yang menghujahkan bahawa wujudnya “*rural bias*” atau “kecenderungan luar bandar” dalam karya (*oeuvre*) Shahnnon (setakat tahun kajian tersebut dijalankan, yakni 1984). Selain menghadapi kesukaran untuk menghasilkan novel berlatarkan kota, Shahnnon juga cenderung bercerita tentang kampung kerana perasaan nostalgik dan tautan terhadap tempat beliau membesar (Ungku Maimunah, 1998). Ungku Maimunah turut menyertakan tinjauannya tentang respons pengkritik sastera terhadap “novel-novel kota” Shahnnon yang rata-rata bersetuju bahawa novel-novel tersebut tidak sebaik “novel kampung” yang ditulis oleh beliau. *Tivi* boleh dikategorikan sebagai sebahagian daripada novel kampung Shahnnon seperti novel-novel kampung lain yang diteliti oleh Ungku Maimunah (1998) kerana *Tivi* menggunakan latar belakang kampung walaupun menggambarkan permasalahan kemodenan yang dibawa oleh kota. Oleh sebab kajian Ungku Maimunah (1998) disempurnakan pada tahun 1984 (walaupun diterbitkan dalam bentuk buku pada 1998), maka novel *Tivi* yang diterbitkan pada tahun 1995 tidak termasuk dalam kajian

kes Ungku Maimunah (1998). Oleh itu, kelompokan ini akan diisi dalam makalah ini dengan menghujahkan bahawa novel *Tivi* ini merupakan novel kampung Shahnon yang mempertembungkan kampung dengan kota dalam skala domestik dan memperlihatkan kecenderungan luar bandar Shahnon dengan lebih kukuh apabila *Tivi* memaparkan kedekadenan atau kerosakan yang berlaku di kampung (mewakili nilai tradisional) yang berpunca daripada penyerapan nilai-nilai dari kota (mewakili kemodenan).

Berdasarkan tinjauan literatur di atas, kelompokan dalam artikel-artikel lepas terhadap analisis ideologikal dalam karya Shahnon diisi dalam kajian ini dengan menghujahkan bahawa novel *Tivi* merupakan sebuah bentuk penyanggahan atau kontra-hegemoni terhadap Mahathirisme. Penyanggahan ini timbul kerana naratif *Tivi* memusatkan kegagalan kapitalisme dalam membangunkan kemajuan material dan spiritual secara seiringan. Hal ini demikian kerana Shahnon bukan sahaja menjadikan objek televisyen sebagai satu motif (pengulangan) dan metafora kepada konflik moden-tradisional dalam *Tivi*, malah melakukan pemomokan (*demonization*) terhadap objek, iaitu televisyen, yang mewakili kemodenan dengan memaparkan kemerosotan moral dalam keluarga Mat Isa yang pada awalnya hidup sederhana tetapi kuat nilai pegangan agamanya, tiba-tiba berubah menjadi haru-biru usai kedatangan objek tersebut ke rumah mereka.

Sementara itu, karakter Chah yang menjadi pekerja kilang skru di pekan Sungai Petani merupakan ejen yang membawa masuk kemodenan ini ke dalam kawasan desa yang lebih sinonim dengan kehidupan tradisional serta terasing daripada pengaruh modenisasi dan perbaratan. Watak Chah yang merantau ke pekan untuk bekerja di kilang ialah satu refleksi kepada kemodenan dan perindustrian yang pesat hasil daripada Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Penswastaaan dan dasar lain yang telah dan sedang berlaku semasa pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad (sebagai Perdana Menteri Malaysia Keempat), dan dampaknya berlaku perubahan struktur ekonomi Malaysia daripada pertanian kepada industri berat. Seterusnya, pembangunan dan perindustrian ini telah menyebabkan wujudnya syarikat dan kilang besar di bandar-bandar utama dan pekan-pekan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, harus ditegaskan bahawa dalam makalah ini, kontra-hegemoni terhadap Mahathirisme bukanlah secara ekstrinsik seperti yang ditemui dalam sebuah lagi karya beliau, yakni novel *Shit*, sebaliknya matlamat makalah ini adalah untuk merungkai kontra-hegemoni terhadap “isme” Mahathir itu, yakni Mahathirisme. Oleh itu, walaupun *Tivi* tidak melakukan kritik secara langsung, hujahan dan pentafsiran ini masih

relevan. *Tivi* juga dihujahkan sebagai kontra-hegemoni Mahathirisme kerana novel tersebut merupakan sebahagian daripada wacana Islamisme di Malaysia dalam pergelutan antara gerakan pro-Islam seperti Parti Islam Se-Malaysia (PAS), pertubuhan Al-Arqam (yang kedua-duanya pernah dianggotai oleh Shahnnon) dengan pihak pemerintah yakni Mahathir dan UMNO (yang sering dipaparkan lebih bertoleransi dalam hal yang berkaitan dengan Islam). Selaras dengan itu, novel *Tivi* ini mengabsahkan Shahnnon sebagai “intelektual tradisional” (*traditional intellectual*) seperti yang dihujahkan oleh Gramsci.

METODOLOGI

Bagi tujuan analisis kajian, kerangka hegemoni oleh Gramsci akan diaplikasikan untuk meneliti bukan hanya novel *Tivi* semata-mata, sebaliknya turut merujuk tulisan-tulisan oleh dan tentang Shahnnon seperti tulisan biografi beliau, juga dokumentari dan video yang memperkatakan tentang Shahnnon di luar teks *Tivi* supaya kajian ini akhirnya mampu menyepadukan dan memperkaya apa-apa jua yang terjelma dalam teks novel terpilih dengan politik dan pergelutan ideologi yang wujud dalam dan luar teks. Selain pernah menjawat jawatan akademik di Universiti Sains Malaysia (USM), Shahnnon juga pernah bergiat dalam politik, iaitu menjadi ahli parti United Malays National Organization (UMNO), ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS), ahli Al-Arqam dan ahli parlimen bagi kawasan Sik, Kedah dari tahun 1999 hingga 2004 (Mohd. Yusof, 2021:117–124). Oleh itu, persoalan tentang ideologi dan politik tidak akan pernah terpisah daripada karya-karyanya baik secara langsung mahupun tidak langsung, secara ekstrintik ataupun intrinsik. Oleh sebab sifat politik tempatan adalah dinamik dan tidak statik, maka skop dan limitasi bagi tujuan makalah ini turut diperincikan. Segala konteks yang akan diambil dan diterjemahkan terhadap “ideologi Mahathirisme”, “Islamisasi” dan “PAS” hanya terhad sehingga era pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Keempat (yakni dari tahun 1981 sehingga tahun 2003). Skop dan limitasi ini penting supaya wacana dalam makalah ini tidak disalah erti dan mengelirukan pembaca.

MAHATHIRISME

Sebelum memasuki bahagian analisis, adalah mustahak untuk memberikan penerangan secara ringkas dan padat terhadap konsep yang ingin diketengahkan dalam makalah ini, yakni Mahathirisme. Terma

Mahathirisme telah diusulkan oleh Khoo Boo Teik dalam bukunya *Paradoxes of Mahathirism: An Intellectual Biography of Mahathir Mohamad* (1995) untuk merujuk idea dan corak kepimpinan Mahathir dalam sistem pentadbiran dan politik. Terdapat lima elemen dalam Mahathirisme merangkumi kapitalisme, nasionalisme, autoritarianisme, populisme dan Islamisme (Khoo, 1995:7). Penilaian Khoo terhadap lima elemen tersebut adalah berdasarkan polisi-polisi, temu bual, ucapan dan penulisan Mahathir sendiri dengan keutamaan semasa pemerintahannya sebagai Perdana Menteri Keempat dari tahun 1981 hingga tahun buku tersebut ditulis (Khoo, 1995:7).

Antara lima elemen tersebut, kapitalisme dan Islamisme merupakan dua elemen yang lebih terserlah dan signifikan untuk tujuan makalah ini. Oleh itu, adalah signifikan untuk menghuraikan kedua-dua elemen tersebut. Bagi membincangkan elemen kapitalisme, penting sekali untuk memberikan penekanan terhadap implementasi DEB yang diumumkan selepas berlakunya peristiwa berdarah 13 Mei yang menyaksikan ketegangan etnik berlaku (Syed Husin Ali, 2013:21). Sepuluh tahun kemudian, wacana tentang kerelevanannya mula bergema disebabkan DEB dilihat tidak begitu efektif dalam menyingkirkan kemiskinan, malah memberikan manfaat yang lebih kepada golongan orang kaya baharu atau kelas pertengahan dalam kalangan masyarakat Melayu.

Dasar Penswastaaan juga menjadi sebahagian daripada inti pati kepada kapitalis-Mahathirisme. Mahathir mengakui bahawa beliau mempunyai kepercayaan terhadap kapitalisme dan sektor swasta kerana lambakan golongan korporat Melayu yang lahir hasil daripada DEB (Khoo, 1995:134). Mahathir bagaimanapun mempertahankan bahawa penswastaaan tidak akan menyebabkan matlamat DEB itu terjejas (Khoo, 1995:134). Kemaraan penswastaaan dan pasaran terbuka di luar negara pada era 1980-an tercetus daripada aliran Reaganisme di Amerika Syarikat dan Thatcherisme di United Kingdom (Khoo, 1995:134). Di Malaysia pula, Mahathir sentiasa mengulangi bahawa keuntungan sektor swasta pada ketika itu dapat menguntungkan kerajaan atas dasar sektor swasta perlu membayar 40 peratus daripada hasil keuntungan mereka (Khoo, 1995:136). Bagi memperkaitkan perkara tersebut dengan konteks novel *Tivi*, penulis ingin menarik perhatian pembaca tentang kenyataan bahawa projek-projek kapitalis yang bermula dari tahun 1970-an telah mengheret belia lelaki dan perempuan ke kilang-kilang korporat multinasional (Aihwa Ong, 2004:29). Kilang-kilang yang dimiliki oleh syarikat multinasional ini telah mengambil wanita muda dan belum berkahwin sebagai salah satu sumber

buruh yang murah dan mudah dikawal (Aihwa Ong, 2004:29). Di sini, terdapat perkaitan antara situasi ini dengan watak Chah yang berhijrah ke pekan Sungai Petani untuk bekerja di kilang skru.

Selain kapitalisme, Islamisme juga merupakan elemen Mahathirisme yang relevan untuk dibincangkan dalam tujuan makalah ini. Elemen ini sebenarnya turut berkait rapat dengan elemen kapitalisme. Misalnya, seperti yang dinyatakan pada bahagian pengenalan, ketika era pemerintahan Mahathir, beliau berhadapan dengan perkara yang disebut oleh Farish (2014) sebagai “*Islamisation Race*” atau “Persaingan Islamisasi” (terjemahan penulis). Kebangkitan Islam yang berlaku selepas kemaraan kepimpinan Imam Khomeini di Iran meletuskan gerakan-gerakan Islam termasuklah di Malaysia. Antara perkara yang menjadi saingan kepada pemerintahan Mahathir termasuklah Darul Arqam yang bersifat “*anti-establishment*” atau “antipenguasa” serta penolakan terhadap produk “Barat” dengan pemakaian pakaian Arab, misalnya menggunakan kuda sebagai kenderaan di penempatan mereka sendiri di Sungai Penchala (Khou, 1995:160). Bertentangan dengan idea Darul Arqam dan PAS, Mahathir cenderung untuk menggunakan Islam sebagai “jentera” untuk melangkah ke arah progresif dan moden. Sebagai contoh, dalam ucapannya di Third Islamic Summit Conference (1981), beliau menyifatkan pemuda Muslim sebagai “tidak produktif dan enggan bekerja” serta menyatakan bahawa “apa yang dunia Islam perlukan hanya kemahiran dan dedikasi untuk bekerja” (Khou, 1995:172). Selain itu, Mahathir turut mengemukakan cadangan penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) sebulan sebelum pilihan raya umum 1982, iaitu selepas lawatan beliau ke Jeddah dan negara-negara Arab yang secara tidak langsung menaikkan imej UMNO dan Mahathir sebagai Islamik (Khou, 1995:175–176). Mahathir turut mengumumkan cadangan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada 6 Julai 1982 (Khou, 1995:177) dan memperkenalkan Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam yang turut terjelma dalam Rancangan Malaysia Keempat, 1981–1985, yang antaranya termasuklah penerapan nilai progresif dan keperluan ke arah pemodenan dan perindustrian (Khou, 1995:181). Namun, seperti hujahan mantan Presiden PAS, Yusuf Rawa bahawa segala projek Islamisasi oleh Mahathir ini hanya bersifat luaran dan masih didorong oleh kapitalisme global (Farish, 2014). Hubungan antara elemen Islam dalam Mahathirisme dengan perbincangan tentang novel *Tivi* ini adalah kerana Shahnnon sendiri pernah mendakwa bahawa karya novel *Tivi* ini merupakan satu bentuk “cereka Islam” (Faisal, t.t.), maka, novel ini patut dilihat sebagai kontra-hegemoni kepada “Islam”

Mahathirisme yang menurut Yusuf Rawa, masih bersifat superfisial (Farish, 2014). Hal ini juga berkait dengan naratif novel ini yang menunjukkan perubahan kepada sebuah keluarga yang awalnya kuat pegangan agama dan beribadat, berubah sebaliknya selepas kehadiran sebuah objek yang membawa simbol kemodenan dan kapitalisme.

HEGEMONI, KONTRA-HEGEMONI DAN “INTELEKTUAL TRADISIONAL”

Terma hegemoni ini telah diusulkan oleh pemikir Itali yang hidup dalam era Mussolini, yakni Antonio Gramsci. Dalam bukunya *Prison Notebooks*, Gramsci telah mengamati kegagalan kelas subordinat dalam memacu revolusi (Daldal, 2014:150). Hal ini telah menyebabkan Gramsci membuat kesimpulan bahawa pihak pemerintah telah menggunakan perkara yang disebut olehnya sebagai hegemoni. Hegemoni merujuk satu bentuk dominasi dengan menggunakan apparatus pemerintah selain apparatus yang bersifat represif (Althusser, 1971). Apparatus ini disebut oleh Gramsci sebagai *hegemonic apparatus* sementara Althusser (1971) telah memurnikannya dengan menghujahkan bahawa terdapat dua jenis apparatus yakni *ideological state apparatus* (ISAs) atau apparatus ideologikal pemerintah dan satu lagi ialah *repressive state apparatuses* (RPAs) atau apparatus penindasan pemerintah.

ISAs yang diungkapkan oleh Althusser (1971) mendekati *hegemonic apparatus* yang dihujahkan oleh Gramsci. Oleh itu, berbeza dengan “dominasi” yang hanya berpaksikan “paksaan”, hegemoni beroperasi menerusi “paksaan” tetapi seiring dengan “persetujuan” (*consent*). Gramsci menghujahkan bahawa hegemoni telah menghasilkan pemikiran (*common sense*) dalam masyarakat, tetapi pemikiran ini tidak neutral sebaliknya bertujuan untuk mengekalkan status quo pemerintah atau golongan dominan. Gramsci percaya bahawa politik, ekonomi dan budaya saling bertautan antara satu sama lain, dan dalam elemen tersebut kuasa beroperasi seterusnya mengukuhkan hegemoni (Daldal, 2014:150). Menurut Lears (1985), hegemoni terjadi apabila kelas yang terdominan mula meminjam pandangan sarwa (*conception of the world*) kelas dominan walaupun mereka memiliki pandangan sarwa mereka sendiri, malah kadangkala memanifestasikannya menerusi tindakan. Hasilnya, revolusi terbantut kerana kesedaran yang dimiliki oleh kaum terdominan ialah satu bentuk kesedaran yang jika bukan “kesedaran yang salah” (*false consciousness*), maka kesedaran itu “kesedaran yang bercanggah” (*contradictory consciousness*). Namun, hal inilah yang dikehendaki oleh

golongan dominan dan kerana itulah nilai, norma, prejudis dan persepsi menjadi sebahagian besar daripada hal yang sering digunakan oleh golongan dominan untuk cuba memperoleh persetujuan (*consent*) daripada kelas subordinat (Lears, 1985).

Hilley (2009:11) pula telah menghujahkan Mahathirisme sebagai sebuah “projek hegemoni” dengan memanfaatkan pandangan Munro-Kua (dalam *Populis Authoritarian di Malaysia*) yang mengetengahkan bagaimana pemerintah Malaysia (*baca Mahathir*) berfungsi secara represif tetapi pada masa yang sama menggunakan polisi yang populis. Dalam projek hegemoni ini, intelektual merupakan aktor atau penggerak kepada pembentukan hegemoni pemerintah. Dalam hal ini, Hilley yang bersandarkan Gramsci menghujahkan bahawa istilah “intelektual neutral” ialah mitos (Hilley, 2009:309). Hal ini dikatakan demikian kerana menurut Gramsci, kerja-kerja intelektual merupakan ekspresi kepada hegemoni (Hilley, 2009). Oleh itu, terdapat dua jenis kategori intelektual, yakni intelektual organik dan intelektual tradisional.

Hilley (2009) menegaskan bahawa PAS dan gerakan Islamis di tanah air sangat mendekati perkara yang dinyatakan oleh Gramsci sebagai intelektual tradisional. Selain intelektual tradisional, terdapat satu lagi kumpulan yang disebut sebagai intelektual organik dan dalam konteks perbincangan hegemoni Mahathirisme, Hilley (2009) meletakkan UMNO dan individu-individu dalam badan-badan kerajaan (khusus yang memiliki kecenderungan kepada pemerintah) sebagai intelektual organik yang mengukuhkan hegemoni Mahathirisme. Oleh itu, Shanon telah bertindak sebagai intelektual tradisional bukan sahaja atas dasar beliau pernah menjadi ahli PAS dan Al-Arqam, tetapi atas dasar novel *Tivi* yang secara tekstualnya (seperti yang dinyatakan) membongkar permasalahan pemerintahan ketika itu khususnya, kapitalisme.

TIVI, KEMODENAN DAN KAPITALISME

Tivi menceritakan kisah Mat Isa dan keluarganya di negeri Kedah yang merupakan petani di kawasan pedalaman. Mat Isa mempunyai isteri bernama Jeha dan tiga orang anak bernama Chah, Hasanah dan Hassan. Dalam kisah ini, Chah telah bermigrasi ke Sungai Petani dan bekerja di kilang skru. Maka, daripada hidup sebagai keluarga petani di kampung, kehidupan Chah menjadi lebih mewah daripada sebelumnya serta terdedah kepada pelbagai budaya dan unsur baharu. Budaya yang dimaksudkan termasuklah budaya menonton televisyen. Budaya itu dan beberapa budaya lain kemudiannya diserapkan oleh Chah kepada keluarganya

dengan membawa balik televisyen untuk tontonan keluarganya. Dari sini bermulalah malapetaka yang tidak diduga oleh keluarga yang asalnya penuh dengan nilai agama sehingga membawa kepada masalah hubungan sumbang mahram kerana terikut-ikut paparan di televisyen dengan aksi ghairah dan seksual serta bertambah buruk dengan kehadiran alat permainan video yang mengheret dan memandu Mat Isa untuk memperkosa anaknya.

Oleh itu, pada bahagian yang mengemukakan analisis atau dapatan kajian ini, terdapat tiga bahagian kecil (*subsection*), iaitu dua bahagian pertama memfokuskan penelitian terhadap teks *Tivi* dan melihat bagaimana objek moden yang disebut sebagai TV itu “dimomokkan” dan memberikan dampak negatif kepada keluarga Mat Isa, manakala pada bahagian kecil kedua memberikan tumpuan terhadap tindakan Chah sebagai ejen kepada kemodenan. Pada bahagian kecil yang terakhir, bukan sahaja teks novel itu diteliti, sebaliknya hujahan tentang kedudukan novel *Tivi* dalam wacana “persaingan Islamisasi” di Malaysia diterangkan serta bagaimana novel ini berfungsi sebagai sebahagian daripada faktor yang memperlihatkan Shahnon dianggap sebagai “intelektual tradisional” dalam kerangka Gramsci.

Televisyen sebagai Simbol Projek Kemodenan dan Kapitalisme

Dalam buku *Gubahan Novel*, Shahnon (1989:44) menegaskan tentang peri penting untuk melakukan eksploitasi ruang, latar dan objek di sekitar untuk memberikan kesan pada persoalan dan watak. Kesan yang dimaksudkan oleh Shahnon ini tidak kira sama ada kesan yang bercanggahan atau kesan yang akur dengan watak-watak tersebut. Salah satu cara untuk mengeksploitasi objek dalam sesuatu latar atau tempat adalah dengan memanusiakan objek tersebut (Shahnon, 1989:44).

Dalam hal ini, televisyen telah diberikan karakter, misalnya, dari awal sebelum kewujudan televisyen di rumah keluarga Mat Isa sehingga penghujung novel, televisyen yang pertama telah digelar sebagai “tetamu”. Perkataan tetamu ini digunakan bukan sahaja untuk merujuk televisyen sebagai pendatang baharu, tetapi juga untuk menunjukkan betapa terasingnya keluarga ini daripada hal-hal kemodenan, teknologi dan perkara yang bersifat hedonistik.

Dalam satu bahagian pada halaman 68, semasa televisyen mula-mula sampai di rumah kampung Mat Isa yang sempit, Shahnon telah menggambarkan situasi bagaimana Mak Chah dan Mat Isa sedang dalam kelim-kabut untuk menyusun kedudukan televisyen tersebut. Dalam situasi itu, Mak Chah telah mencapai sehelai sejadah yang bergambar Kaabah dan

kemudiannya televisyen itu diletakkan di atas sejadah tersebut. Dalam bahagian tersebut, pembaca dipaparkan dengan dua buah objek yang saling berkontradiksi, iaitu objek televisyen telah digandingkan dengan sejadah bergambar Kaabah (Shahnon, 2018:68).

Situasi ini tidak hanya menunjukkan kehadiran televisyen dalam rumah tanpa ada ruang yang sesuai, malah situasi ini juga merupakan pembayang (*foreshadow*) kepada kerosakan nilai agama keluarga itu disebabkan kehadiran televisyen tersebut. Oleh itu, Shahnon sengaja menggarap situasi yang agak provokatif ini, yakni “TV duduk di atas Kaabah” (Shahnon, 2018:68). Pembayang ini jelas terjadi dan terjelma apabila keluarga Mat Isa yang pada permulaan novel digambarkan sebagai kuat bekerja dan kuat pegangan nilai agama telah berubah menjadi yang sebaliknya seperti tidak lagi bergaul dengan orang kampung, tidak lagi menghadiri solat Jumaat dan paling tragis melakukan hubungan sumbang mahram.

Terdapat contoh lain yang turut menggambarkan bagaimana televisyen yang awalnya hadir sebagai tetamu kemudian mula menjadi “raja” di dalam rumah keluarga Mat Isa. Hal ini jelas terpapar dalam halaman 24, iaitu Hasanah bercerita kepada pembaca bahawa “penjuru di sebelah matahari jatuh” (Shahnon, 2018:24), iaitu ruang yang dahulunya menjadi tempat keluarganya bersembahyang kini tidak boleh diganggu dengan perkara lain kecuali televisyen yang dibeli oleh Chah untuk keluarganya. Ruang yang dahulunya menjadi tempat menunaikan solat itu tidak lagi menjadi ruang untuk meletakkan jubah dan telekung, maka barang-barang tersebut dan beg sekolah Hasanah terpaksa dilonggokkan di satu sudut yang lain. Untuk menunjukkan keghairahan keluarga ini terhadap hiburan baharu mereka, Hasanah bercerita bahawa penjuru itu telah dibersihkan sekemas-kemasnya dan dipastikan tiada habuk kerana apabila televisyen itu sampai, penjuru di sebelah matahari jatuh itu akan menjadi “takhtanya” (Shahnon, 2018:24).

Istilah takhta yang digunakan di sini menjadi pembayang bagaimana selepas televisyen ini menjadi tetamu kepada keluarga yang kukuh nilai agamanya ini, keluarga ini kemudiannya bertukar menjadi “hamba” kepada televisyen tersebut. Tambahan pula, tempat televisyen tersebut diletakkan merupakan tempat keluarga tersebut bersembahyang. Ruang ibadat mulai berubah menjadi ruang hiburan.

Mohd Yusuf (2021:171) menyifatkan bahawa televisyen dalam novel ini sebagai “pencemaran” tetapi tidak sama seperti pencemaran kilang terhadap sungai dan alam. Pencemaran yang dilakukan oleh televisyen merupakan satu pencemaran moral dan rohaniah kepada manusia menerusi tayangan adegan-adegan lucu yang menyirnakkan sikap manusiawi.

Perkara yang membezakan antara pencemaran sisa dari kilang dengan pencemaran yang dibawa oleh televisyen ialah pencemaran kilang hanya menyebabkan kesan buruk kepada fizikal misalnya sakit dan sebagainya, tetapi pencemaran yang dibawa oleh kandungan televisyen lebih halus kerana boleh memberikan kesan kepada moral dan spiritual. Keadaan inilah yang dialami oleh keluarga Mat Isa. Walau bagaimanapun, televisyen dan kandungan lucah itu tidak sewajarnya dilihat secara literal dan mudah. Televisyen dan kandungan lucah itu sebenarnya boleh dilihat sebagai satu bentuk metafora kepada gejala-gejala yang lebih besar yang boleh dibawa oleh media dan para pemodal (kapital).

Walaupun bagaimanapun, Shahrin (2012:212–214) menghujahkan bahawa “Shahnon cuba mengkritik sikap tidak Islamik yang boleh membawa kepincangan dalam kehidupan” keluarga Mat Isa. Shahrin (2012:212–214) menolak kemungkinan bahawa sumbang mahram yang terjadi dalam keluarga Mat Isa adalah disebabkan oleh amalan menonton televisyen dan pita video, sebaliknya faktor persekitaran rumah Mat Isa yang tidak mempunyai bilik yang cukup untuk mengasingkan ahli keluarga lelaki dan perempuan turut menjadi penyebab berlakunya aktiviti tersebut. Walaupun beliau menyertakan bukti daripada pemerhatian terhadap rumah-rumah sempit di bandar, tetapi fakta itu tidak dapat menyokong hujahannya malah tidak memiliki banyak perkaitan dengan novel *Tivi* kerana berdasarkan bahagian awal novel, pembaca akan mengenal pasti bahawa walaupun wujud kerimasan dan rasa malu apabila tidur di tempat yang sama, tetapi hal ini tidak mengakibatkan berlakunya hubungan sumbang mahram dalam keluarga Mat Isa. Hubungan sumbang mahram ini hanya terjadi selepas pengaruh televisyen dan pita video muncul di rumah Mat Isa.

Sebenarnya Shahnon lebih cenderung untuk mengkritik bagaimana kedaihidup di rumah yang menurut Shahrin (2012:212–214) “tidak sesuai jika disandarkan kepada cara hidup Islam” itu tidak mendatangkan bahana dibandingkan dengan kemewahan fizikal dan hedonistik yang dibawa oleh Chah seperti televisyen kerana pokok pangkalnya ialah pegangan moral dan prinsip. Di sinilah persoalan yang ditinggalkan oleh Shahnon kepada pembaca (yang dibiarkan tidak disentuh dalam novel), yakni di sebalik naik taraf hidup Chah disebabkan sudah bekerja di pekan dan makan gaji, kemodenan dan naik taraf hidup yang diterapkan Chah kepada keluarganya merupakan sesuatu yang berada di luar keperluan, termasuklah televisyen, pakaian mencolok mata dan pemain pita video. Pembaca akan mendapati bahawa Chah tidak langsung melakukan usaha yang “betul” untuk mengubah nasib keluarganya seperti mengubah rumah

kampungnya kepada yang lebih baik atau membantu adik-adiknya dalam hal ehwal pendidikan.

Terdapat hubung kait antara perkara ini dengan hujahan Syafiqah (2013:12) yang menghujahkan bahawa masyarakat telah dibutakan dengan kejayaan material dan sanggup menggadaikan moral. Pemodenan yang rancak di Malaysia hanya memandu pembangunan material tetapi tidak mendatangkan pembangunan pemikiran (Syafiqah, 2013:12). Hal ini dipaparkan pada halaman 19 dalam novel tersebut, iaitu mereka tidak lagi mengendahkan apa-apa jua nasihat daripada orang-orang yang digelar sebagai “lebai-lebai kampung” kerana menurut Mat Isa dan keluarganya, lebai-lebai kampung itu tidak tahu perkara yang sedang berlaku dalam dunia ini, malah beranggapan bahawa Chah lebih mengetahuinya. Namun, falasinya di sini ialah Chah berkemungkinan lebih arif tentang dunia yang telah “maju” itu, tetapi Chah sebenarnya tidak memahaminya dan kerana itulah dia terjat dalam arus materialistik yang menghanyutkan.

Chah sebagai Ejen Kemodenan

Perkara yang terjadi kepada Chah sebenarnya merupakan refleksi kepada hujahan Jamilah (1991:3) bahawa penghijrahan wanita ke bandar untuk bekerja di kilang-kilang yang terletak di bandar pada tahun 1970-an ialah kesan daripada pelbagai usaha, polisi dan program oleh kerajaan. Menurut Jamilah (1991:11), impak daripada fenomena ini boleh dilihat apabila wanita-wanita ini telah berhijrah ke bandar dan menjadi sebahagian daripada pekerja di kilang dengan matlamat untuk mendapatkan taraf hidup yang lebih baik selain “membebaskan diri mereka daripada belunggu domestik yang terasing”. Walaupun Jamilah (1991) menyatakan bahawa “pembebasan” wanita dari desa ke kilang-kilang di bandar ini masih belum terbukti, tetapi yang jelas sistem kapitalisme yang dirasakan mampu “membebaskan” manusia daripada belunggu keterbelakangan dan kemiskinan ini sebenarnya membuatkan manusia masih terperangkap dan terbelunggu sebagai subjek kepada kapitalisme itu. Misalnya Chah sendiri, selain menjadi ejen kapitalisme, dia turut menjadi subjek kepada kapitalisme itu apabila dia sendiri menjadi pengguna (malah yang segar).

Keadaan Chah ini sebenarnya selari dengan kenyataan bahawa “menjadi trend kepada migran baharu untuk mencuba fesyen dan kosmetik baharu di bandar untuk kelihatan semirip gadis bandar/pekan” (Jamilah, 1991:3). Begitu pun, di sebalik segala usaha anak-anak gadis yang berhijrah dari kampung ini untuk kelihatan seperti gadis kota, masih begitu mudah untuk komuniti urban mengenal pasti gadis-gadis kampung

ini, sehingga mereka diberikan gelaran “Minah Karan” (Jamilah, 1991:5). Biar pun “... Mat Isa sekeluarga pun memang suka perubahan kerana perubahan sahaja yang menjamin kemajuan” dan mereka percaya “hanya orang yang jumud sajalah yang takut pada perubahan” (Shahnon, 2018:48), tetapi perubahan dan kemajuan yang dicapai oleh mereka dalam novel ini ternyata hanyalah kemajuan material lagi hedonistik yang merupakan hasil peniruan Chah terhadap gaya hidup urban.

Bagaimanapun, penulis turut memberikan penekanan bahawa Shahnon bukanlah seorang yang antikemajuan, malah sebagai reformis Islam, beliau mahukan kemajuan total, yakni merangkumi duniawi (material) dan ukhrawi (spiritual) (Syafiqah, 2013:13). Dalam *Tivi*, Shahnon menunjukkan bagaimana Chah yang sedang menaik taraf hidupnya, mempunyai lebih keselesaan dari segi pendapatan, tetapi kemajuan ini dihadkan kepada kemajuan luaran semata-mata, malah nilai-nilai yang dipegang sebelum ini mula terhakis apabila dia mula memakai pakaian yang bertentangan dengan nilai yang dipegang oleh dirinya sebelum itu. Chah pula bukan sahaja mengamalkan budaya baharu yang diperolehi dari pekan seorang diri, malah turut menyebarkan budaya tersebut kepada ahli keluarganya.

Menjelang penghujung novel, Shahnon benar-benar ingin menegaskan bahawa “Chahlah pokok pangkal. Chahlah pucuk hujungnya. Chahlah segala-galanya” (Shahnon, 2018:131) kerana sejak awal lagi Chahlah yang menjadi ejen yang membawa masuk segala unsur kemodenan ini sehingga menyebabkan segala malapetaka menimpa keluarganya. Pembebasan Shahnon terhadap Chah daripada segala balasan halilintar yang menimpa ahli keluarganya yang lain adalah untuk menunjukkan bahawa fenomena dan pencemaran moral yang membelenggu masyarakat hasil daripada kemodenan (yang materialistik) dan kapitalisme ini akan berterusan dan disebabkan itu, Chah “dilepaskan”. Chah dipulangkan semula kepada masyarakat kerana seperti novel Shahnon yang lain, beliau tidak mahu menerapkan “*poetic justice*” atau kemenangan kepada watak-watak protagonisnya “kerana apa yang dinamakan kemenangan itu sebenarnya tidak ada” (Shahnon, 1989:93).

Melalui pengakhiran novel ini, pembaca akan mendapati bahawa pandangan Shahnon agak pesimistik terhadap kemodenan yang menjengah kampung. Namun, sifat pesimistik Shahnon ini sebenarnya bukanlah hal baharu sebaliknya sudah boleh ditemui dalam beberapa karyanya seperti *Ranjau Sepanjang Jalan* yang menerima kritikan daripada Kassim Ahmad sehingga disebutkan sebagai “karya Shahnon yang penting telah gagal” (Kassim, 2014:90). “Kegagalan” ini menurut Kassim adalah

kerana Shanon gagal untuk memberikan semangat revolusioner kepada watak-watak petani dalam *Ranjau Sepanjang Jalan* serta menghujahkan gambaran realiti yang telah “diterbalikkan dan dipesongkan” (Kassim, 2014:96). Jika pandangan dan pegangan sebegitu dipegang oleh Kassim, *Tivi* yang juga tidak memberikan kemenangan kepada watak-watak petani, malah pada penghujungnya menjadi punca haru-biru pula yang “terlepas” daripada hukuman, maka pasti *Tivi* tidak dianggap sebagai karya yang revolusioner dan memenangkan kaum tani (dan subordinat) oleh Kassim Ahmad.

Namun, sesuatu teks karya tidak semestinya perlu memberikan keadilan setimpal (atau *poetic justice*) kepada watak-watak protagonis untuk menjadi sebuah karya yang menyanggah ideologi dominan. Adakalanya keadilan setimpal (*poetic justice*) yang memberikan kemenangan kepada golongan subordinat sebenarnya masih terikat dengan cengkaman pemerintah. Sebagai contoh, Sen (1994) dalam penelitian terhadap filem-filem Indonesia era Order Baru memperlihatkan hampir kesemua naratif filem era itu ditapis supaya harus berakhir dengan kemenangan ke atas mereka yang tertindas kerana menurut Sen (1994), pemerintahan Orde Baru sangat obses kepada aturan atau *order*, maka naratif filem juga harus bergerak dalam pusran *order-chaos-order* atau aturan-kekacauan-aturan dan bukan sebaliknya. Sesuatu karya boleh sahaja tidak memberikan apa-apa jua kemenangan untuk memberikan perasaan kepada pembaca bahawa masalah di luar masih tidak selesai dan pembaca “perlu bertindak”. Oleh itu, pengakhiran novel *Tivi* yang agak tragik dan pesimistik itu masih tidak memamatkan hujahan bahawa novel tersebut ialah sebuah kontra-hegemoni terhadap Mahathirisme kerana tidak memberikan fantasi kemenangan ke atas mereka yang telah dan sedang menjadi “mangsa” kapitalisme.

Tivi, Kontra-Mahathirisme dan Intelektual Tradisional

Dalam sebuah rakaman strim di laman media sosial Facebook, kemudiannya dimuat naik di YouTube yang disiarkan oleh ZRA Strim kendalian penulis dan bekas wartawan, Zainal Rashid Ahmad, beliau menyatakan beberapa karya Shanon merupakan kritikan terhadap pemerintah. Sebagai contoh, novel *Ranjau Sepanjang Jalan* merupakan kritikan Shanon terhadap pemerintahan pada ketika itu yang dirasakan pada dasarnya “tidak menyebelahi golongan petani kampung dan dasar-dasar kerajaan lebih menyenangkan para kontraktor” (ZRA Strim, 2022, 00:22:45). Seterusnya, sekitar tahun 1999, oleh kerana naratif dan kandungan novel

Shit yang mengkritik pemerintahan pada ketika itu, terdapat pelbagai isu yang berlaku berkenaan pendedaran dan penjualannya (ZRA Strim, 2022, 00:29:49). Kenyataan Zainal Rashid ini memberikan bayangan bahawa Shahnnon Ahmad ialah penulis yang sensitif terhadap keadaan sekitar dan politik dari semasa ke semasa.

Hal ini juga selari dengan hujahan Cheah (2001:194) yang menyatakan bahawa Shahnnon Ahmad merupakan seorang pemikir yang tidak hanya menunjukkan ketidakpuasan hatinya terhadap kemodenan tetapi juga menghasilkan karya yang bersifat personal yang ditujukan tepat kepada Mahathir dalam novel berjudul *Shit*. Hal ini juga berkait dengan latar belakang Shahnnon, iaitu selain merupakan penulis dan ahli akademik, beliau pernah menjadi ahli Parti Islam Se-Malaysia (PAS) dan menjadi ahli parlimen untuk kawasan Sik, Kedah di bawah naungan PAS (Cheah, 2001:194).

Shahnnon (1998) menegaskan dalam esainya bahawa beliau menolak golongan penulis yang menjadi “perkakas” (aparatus) pemerintah. Shahnnon (1998:48) menyatakan:

“Perihal yang sama juga saya dapati berlaku pada pengarang-pengarang yang lain, pada para sasterawan dan tak ketinggalan penulis tanah air. Ada yang langsung tak malu menjadi perkakas pihak-pihak tertentu, melaungkan suara melalui tulisan-tulisan mereka yang bercorak propaganda murahan kerana hendak menyanjung pihak-pihak tertentu yang berkuasa”.

Kenyataan ini menjelaskan bahawa Shahnnon sebagai penulis melihat pentingnya untuk beliau tidak menjadi perkakas (aparatus) pemerintah. Oleh itu, hal ini memperkukuh bahawa beliau ialah intelektual tradisional dalam terma Gramsci.

Disebabkan Shahnnon merupakan ahli PAS dan pernah bersama-sama dengan Al-Arqam serta mendukung gagasan sastera Islam, secara tidak langsung Shahnnon dan karya-karyanya juga (seperti *Tivi*) termasuk dalam wacana atau pergelutan idea Islamisasi yang berlaku antara pemerintah dengan gerakan Islam, dan disebut sebagai *Islamisation race* atau “persaingan Islamisasi” (Farish, 2014:225). Terma persaingan Islamisasi ini merujuk keadaan bahawa PAS dan UMNO masing-masing bersaing untuk menunjukkan mereka merupakan parti utama yang berusaha keras membela kepentingan Muslim di tanah air (Farish, 2014:225).

Walau bagaimanapun, pemimpin PAS seperti Yusuf Rawa menghujahkan bahawa program-program Islamisasi yang diterajui oleh UMNO disifatkan sebagai superfisial kerana masih tertanam sistem kapital global (Barat) (Farish, 2014:131).

Oleh itu, *Tivi* merupakan salah satu daripada petanda yang menunjukkan bahawa Shahnnon merupakan intelektual tradisional seperti yang dihujahkan oleh Gramsci, yakni mereka yang mengkategorikan diri mereka sebagai terasing daripada ideologi dominan serta berfikiran bebas daripada kepentingan golongan dominan (Hilley, 2009:310). Jika peranan intelektual organik seperti hujah Hilley (2009) untuk mewujudkan keseragaman, maka Shahnnon memainkan peranannya dengan menolak konsumerisme yang dipayungi oleh kapitalisme menerusi novel *Tivi*. Persoalannya bagaimanakah novel ini boleh dilihat sebagai satu bentuk pemerhatian terhadap kesan yang dibawa oleh kapitalisme? Bagaimanakah pula premis novel ini dapat dikaitkan dengan “kebangkitan Islam”?

Persoalan ini mempunyai keselarian dengan Hilley (2009:206) yang menyatakan bahawa “kebangkitan Islam” yang berlaku di Malaysia pada ketika itu, selain meruncingkan masalah identiti Melayu-Islam, secara positifnya membuka ruang wacana ke atas kapitalisme dan pasaran bebas termasuklah dampak sosialnya seperti keseronokan, ketidakseimbangan dan ketidakadilan sosial disebabkan oleh kapitalisme. Menurut Hilley (2009:206), intelektual tradisional telah menyanggahi gagasan Mahathirisme sejak awal 1980-an. Hal ini termasuklah antara perkara yang paling menonjol, kecaman parti PAS terhadap DEB yang dianggap sebagai pelantar kekayaan bagi kelas pertengahan (atau Orang Kaya Baharu) dan tidak menghalu untuk menyelesaikan masalah kemiskinan (Hilley, 2009:207). Populisme dan kekuatan PAS di Kelantan (sebagai negeri yang merupakan kubu kuat PAS) pula bukan hanya disebabkan oleh nilai Islam yang tradisional semata-mata, sebaliknya kerana idea “kebajikan sosial” yang dipegang oleh parti itu dan hal ini termanifestasi dalam manifesto PAS 1995, “Membangun Bersama Islam” (Hilley, 2009:211).

Berbalik kepada persaingan Islamisasi, Shahnnon merakamkan kemuncak pergelutan antara Mahathir dengan gerakan Islamis dalam novelnya *Tunggul-tunggul Gerigis* (Jeniri, 2012:61). Mahathir juga digambarkan sebagai kurang menyenangi penggerak Islamisme yang dianggapnya sebagai kolot dan terkebelakang seperti yang dicatatkan oleh Zainuddin Mydin (dalam Cheah, 2001), iaitu Mahathir kurang berkenan dengan sikap fatalistik kumpulan itu yang enggan mengumpulkan

kemewahan dan perkara ini juga termasuklah perbuatan membuang televisyen dan peti ais mereka (Cheah, 2001:213). Kebetulan pula, novel *Tivi* menekankan televisyen sebagai pusat naratifnya.

Dalam ranah filem pada era 1980-an dan 1990-an pula terdapat banyak pemaparan golongan agamawan tradisional yang dimomokkan dan antara filem tersebut termasuklah *Tsu-Feh Sofiah* (Rahim, 1985), *Fenomena* (Aziz, 1990) dan *Perempuan Melayu Terakhir* (Erma Fatima, 1999). Persamaan yang dikongsi oleh ketiga-tiga filem yang penting dan monumental itu ialah ketiga-tiganya melakukan pemaparan bahawa golongan agamawan tradisional sebagai kolot, keras dan menolak kemajuan. Namun demikian, perkara ini merupakan sebahagian daripada naratif atau stereotaip untuk mengeneralisasikan kumpulan intelektual tradisional sebagai kolot dan bersifat antikemajuan (juga tidak menafikan kekangan penapisan filem yang mungkin perlu diharungi oleh pembikin filem). Kebetulan pula, novel *Tivi* oleh Shahnnon membuat pernyataan atau rasional penolakan terhadap peralatan moden tersebut, yakni televisyen. Dari sudut lain, Shahnnon sendiri pernah melabelkan novel *Tivi* sebagai sebuah produk cereka Islam yang dibangunkannya sendiri (Faisal Tehrani, t.t). Walaupun masih kurang jelas kedudukan *Tivi* berdasarkan pengkategorian cereka Islam ini, tetapi perkara yang jelas, *Tivi* menolak jenis kemajuan dan kemodenan yang hanya bersifat material dan di luar keperluan serta didorong oleh kapitalisme. *Tivi* merupakan sebahagian daripada tempas kepada pergelutan antara gerakan tradisional-Islam seperti PAS dan al-Arqam yang dianggotai oleh Shahnnon Ahmad dengan Mahathir dan UMNO sebagai pemerintah. Tinggal lagi pernyataan dalam novel *Tivi* ini lebih halus, intrinsik dan simbolik.

KESIMPULAN

Tivi ternyata merupakan sebuah respons kepada perindustrian, pasaran bebas dan kapitalisme yang merupakan antara projek besar hegemoni Mahathirisme. Namun, Shahnnon tidak mempersembahkan atau menyasarkan kritiknya secara langsung seperti yang terdapat dalam *Shit*, malah Shahnnon membawa arah isu ini dengan menunjukkan kesannya terhadap seorang perempuan yang bermigrasi ke bandar atau Minah Karan, yang jarang-jarang sekali diberikan perhatian oleh pengarang dalam eranya kerana lebih banyak yang menulis tentang kota. Dalam membincangkan sesebuah karya, adalah mustahak juga untuk mengambil kira latar belakang pengarang serta pandangan sarwanya (*worldview*) dalam memperkaya

wacana dan analisis dalam tulisan. Oleh itu, posisi politik Shahnnon diambil kira dan pelibatan politik serta gagasannya tentang cereka Islam yang antara karyanya termasuklah *Tivi* sendiri. Oleh itu, *Tivi* merupakan surat terbuka daripada seorang pemikir Islam dan sasterawan watan, Shahnnon Ahmad, yang mengungkapkan bahawa segala kemajuan material yang telah dicapai di bawah pemerintahan Tun Dr. Mahathir Mohamad pada ketika itu tidak semestinya turut menjamin kemajuan spiritual dan moral.

PENGHARGAAN

Kajian ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada mana-mana agensi pendanaan.

RUJUKAN

- Aihwa Ong. (1988). The production of possession: Spirits and the multinational corporation in Malaysia, *American Ethnologist*, 15(1), 28–45.
- Althusser, L. (1971). *Lenin and philosophy and other essays*. Monthly Review Press.
- Azhar Ibrahim. (2012). Shahnnon Ahmad: Intelegensia sastera dan pemihakan kepada massa Melayu. Dlm. Muhammad Haji Salleh (Penyt.), *Pemikiran sasterawan negara: Shahnnon Ahmad*, 395–419. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz M. Osman. (Pengarah). (1990). *Fenomena* [Filem]. Teletrade.
- Che Abdullah Che Ya. (2017). Politics in the novels of Shahnnon Ahmad. Dlm. Mohd. Yusuf Hasan (Penyt.), *Critical views on works by Shahnnon Ahmad*, (1–41). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah, B.K. (2002). *Malaysia: The making of nation*. Institute of Southeast Asian Studies.
- Daldal, A. (2014). Power and ideology in Michel Foucault and Antonio Gramsci: A comparative analysis. *Review of History and Political Science*, 2(2), 149–167.
- Erma Fatima. (Pengarah). (1999). *Perempuan Melayu Terakhir* [Filem]. Grand Brilliance Sdn. Bhd.
- Faisal Tehrani. (t.t) *Membaca kembali Tivi*. Solidaristas. <https://solidaritas.my/membaca-kembali-tivi/>.
- Farish A. Noor. (2014). *The Malaysian Islamic Party PAS 1951–2013*. Strategic Information and Research Development Centre.

- Hilley, J. (2009). *Malaysia: Mahathirisme, hegemoni dan pembangkang baru* (PTS Publication, Terj.). Institut Terjemahan Buku Malaysia. (Karya asal diterbitkan pada 2001).
- Jamilah Ariffin. (1991). *Research on migrant women industrial workers in Malaysia: Theoretical, methodological and policy implications*. Dlm. *Research on Women Industrial Workers in Malaysia: Theoretical, Methodological and Policy Implications*. UM Research Depository. <https://eprints.um.edu.my/11220/>
- Jeniri Amir. (2012). Politik dan media dalam novel politik Shahnnon Ahmad. Dlm. Muhammad Haji Salleh (Penyt.), *Pemikiran sasterawan negara: Shahnnon Ahmad*, (59–79). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kassim Ahmad. (2014). *Dialog dengan sasterawan*. Obscura Malaysia.
- Khoo, B.T. (1995). *The paradoxes of Mahathirism: An intellectual biography of Mahathir Mohamad*. Oxford University Press.
- Lears, T.J.J. (1985). The concept of cultural hegemony: Problems and possibilities. *The American Historical Review*, 90(3), (567–593).
- Mohd Faizal Musa. (2014). The relation between creativity, identity and political expression in the writing of Gabriel Garcia Marquez and Shahnnon Ahmad. *Malay Literature*, 27(2), (285–310).
- Mohd. Yusuf Hasan. (2021). *Biografi sasterawan negara: Shahnnon Ahmad: Anak nan bertuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh (2012). *Pemikiran sasterawan negara: Shahnnon Ahmad*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nursyaheera Andul Ghafar (2017). *Tunggul-tunggul Gerigis: Satu kajian subaltern dan hegemoni*. [Projek Ilmiah]. Universiti Malaya. https://www.academia.edu/35406604/Tunggul_tunggul_Gerigis_Satu_Kajian_Subaltern_dan_Hegemoni
- Rahim Razali. (Pengarah). (1986). *Tsu feh Sufiah*. [Filem]. Angkatan Seniman Abad XX Sdn. Bhd.
- S. Othman Kelantan. (2012). Menteri dan kemelut: Petanda kepolitikan SN Shahnnon Ahmad. Dlm. *Pemikiran sasterawan negara: Shahnnon Ahmad*, (273–288). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sen, K. (1994). *Indonesian cinema: Framing the new order*. Zed Book Ltd.
- Shahnnon Ahmad. (1989). *Gubahan novel*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnnon Ahmad. (1998). Peringatan buat pengarang upahan: Peribadi dan perkakas. Dlm. Muttaqin Amaluddin (Penyt.) *Tamadun*, (48–49). Penerbitan Muttaqin.
- Shahnnon Ahmad. (2018). *Tivi* (Cetakan kedua). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Cetakan pertama pada 1995).

- Shahrin Nizal Mohd Nor. (2012). Tivi: Suatu kritikan sosial. Dlm. Muhammad Haji Salleh (Penyt.) *Pemikiran sasterawan negara: Shahnnon Ahmad*, (208–219). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syafiqah A. Jaafar. (2013). *Paradoks pemikiran Shahnnon Ahmad: Antara gagasan dan karya*. Academia. https://www.academia.edu/14527066/Paradoks_Pemikiran_Shahnnon_Ahmad_Antara_Gagasan_dan_Karya.
- Syed Husin Ali. (2013). *The Malays rulers: Regression or reform?* Strategic Information and Research Development Centre.
- Ungku Maimunah Mohd. Tahir. (1998). *Antara kampung dan kota: Rural bias in the novels of Shahnnon Ahmad*. Penerbit UKM.
- Zainal Rashid Ahmad, Hafizul Faiz, dan Bear, J. (2022). *Shahnnon Ahmad Sasterawan yang Melawan*. ZRA Strim. https://youtu.be/4_ps73y0TAA.